



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

**MAKLUMBALAS JABATAN PERIKANAN MENGENAI
ISU UDANG GALAH *VIRAL***

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengambil maklum mengenai lambakan udang galah tular (*viral*) yang dijual di seluruh negara. DOF telah meningkatkan analisis antibiotik dan memperketatkan *SPS measures* di pintu masuk serta meningkatkan pemeriksaan penyakit udang. Jabatan Perkhidmatan Kuarantin & Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memastikan ikan/udang bebas dari isu keselamatan Makanan dan penyakit. Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH) pula akan memastikan *packed frozen shrimp* di pintu masuk adalah selamat dan meningkatkan kawalan berhubung pemeriksaan penggunaan antibiotic.

2. DOF bertanggungjawab kepada ikan hidup samada masuk atau keluar dari negara. MAQIS pula bertanggungjawab kepada pemeriksaan di pintu masuk yang telah diwartakan manakala MOH bertanggungjawab sepenuhnya kepada hasil laut masuk ke dalam negara ini melalui Akta Makanan 1983 dan Peraturan 1985.

3. Setiap produk hasil ikan masuk ke negara ini perlu mematuhi keperluan Akta Makanan 1983 dan Peraturan 1985.

4. Satu Jawatankuasa Kawalan Import & Eksport di MOA dan MOH yang terdiri dari pihak berkuasa kompeten telah ditubuhkan bagi membincang isu yang dinyatakan dari masa ke semasa untuk mengekang isu sebegini terutamanya jika ada lambakan berlaku dari negara jiran.

5. Setiap ahli jawatankuasa akan melihat peranan dan peraturan mereka yang boleh digunakan termasuk mengenakan *SPS measures* untuk mengawal supaya kes sebegini terkawal.

6. DOF akan mengadakan program pemantauan dan taklimat melalui program pengembangan dari masa ke semasa kepada pihak berkepentingan dan awam melalui Majlis Perundingan Industri (MPI) khususnya supaya bersama-sama membentaras isu ini.

7. DOF akan bertindak sebagai pemudahcara kepada pengimport/pengeksport atau *trader* berdaftar dengan pihak Biosekuriti DOF supaya mereka mematu keperluan SPS mahu keperluan CITES dan Sijil Kesihatan.

..../

8. Selain itu, proses kerja (SOP) dan mekanisme kawalan akan sentiasa dipertingkatkan bagi memastikan prinsip tadbir urus yang baik kearah pemantapan sistem penyampaian yang berkesan.

###

Kenyataan Media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

12 Ogos 2018 (Ahad) jam 5 petang

Sebarang pertanyaan sila hubungi:-

No. Tel : 012-3569344 (Yazeereen)
013-6317313 (Sharir)
Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my